



KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
2 April 2020

1. Pada hari ini, Khamis, 08 Syaaban 1441 bersamaan 02 April 2020, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai **2 lagi kes baru** yang telah disahkan dijangkiti COVID-19 di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini ialah 133 orang.**

- Kes 132 berumur 40 tahun ialah isteri kepada Kes 103. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dan telah pertama kali menjalani ujian makmal pada 24 Mac 2020 yang didapati negatif. Walau bagaimanapun, semasa menjalani kurantin beliau telah mula mengalami sakit tekak dan selsema pada 30 Mac 2020.
- Kes 133 berumur 38 tahun adalah seorang warga tempatan yang telah pulang ke negara ini dari United Kingdom melalui Singapura dengan menaiki pesawat Royal Brunei BI424 (tempat duduk 22A) pada 01 April 2020. Beliau telah mula mengalami demam panas dan batuk pada 16 Mac 2020 iaitu semasa berada di United Kingdom. Walaupun beliau tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan di sepanjang perjalanan pulang ke negara ini.

2. Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, pada hari ini **4 lagi kes** yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan telah disahkan sembuh dan dibenarkan untuk pulang ke rumah, yang membawa **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kepada 56 orang**. Ini bermakna terdapat 76 kes yang sedang dirawat di Pusat berkenaan. Daripada jumlah tersebut, 3 orang masih dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin pernafasan di Unit Rawatan Intensif di Pusat tersebut di mana salah seorang daripadanya masih memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)*. Sementara itu, selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.
3. Sementara itu, pada masa ini, seramai 451 orang sedang menjalani kurantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Manakala seramai 1,858 orang telah menamatkan tempoh kurantin dan dalam keadaan yang baik. Sejak awal Januari 2020, sebanyak 7,055 ujian makmal bagi COVID-19 telah dijalankan, yang membawa kepada nisbah 1 orang dalam 61 penduduk negara ini telah dibuat pemeriksaan untuk Covid-19.
4. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa penyiasatan kes yang terperinci terhadap Kes 121 telah mengaitkan kes tersebut dengan beberapa orang jemaah tabligh yang sebelum ini telah disahkan positif COVID-19 di Negara Brunei Darussalam di mana sekurang-kurangnya seorang daripada mereka telah bertemu dengan Kes 121 pada 8 Mac 2020. Kes 121 telah didapati mula mengalami tanda-tanda jangkitan pada 17 Mac 2020.

5. Dikesempatan ini, Kementerian Kesihatan sukacita ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih terutama sekali kepada Syarikat LSL Sdn Bhd di atas sumbangan bagi kos pembinaan sebuah bangunan tambahan iaitu Unit Diagnostik Molekular bagi Virus Respiratori, Makmal Rujukan Kebangsaan Virologi (Molecular Diagnostic Unit for Respiratory Viruses, National Virology Reference Laboratory) yang terletak di Jalan Sumbiling, Bandar Seri Begawan. Disamping itu, Kementerian Kesihatan juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan kontraktor yang lain yang terdiri daripada Trane Aire Sdn Bhd, Syarikat Daya Engineering Sdn Bhd, Amberhigh Sdn Bhd, Beaver Engineering Sdn Bhd, Kha Arkitek, Swee Sdn Bhd, Petar Perunding Sdn Bhd, Supinda Electronic & Trading Company, Razaco Transport Services dan Gaya Reka Sdn Bhd yang turut sama-sama menyumbangkan kepada kos pembinaan makmal virologi tambahan tersebut. Jumlah keseluruhan kos pembinaan makmal virologi tambahan ialah sebanyak \$569,348.00.
6. Dikesempatan ini juga, Kementerian Kesihatan sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada syarikat-syarikat, persatuan-persatuan, pihak-pihak persendirian dan orang ramai yang telah memberikan sumbangan ikhlas kepada tabung COVID-19 Relief Fund yang mana, setakat ini jumlahnya adalah sebanyak \$3,249,221.97.
7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau

menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** (pada bila-bila masa) atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 08 Syaaban 1441H / 02 April 2020